

8) COUNCIL HOMES DI SELANGOR

Adun : Y.B Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (N26 Sungai Ramal)

Kategori : Lisan

Sesi : 3 (2024)

Sub soalan :

a) Berapakah jumlah Council Homes di Selangor?

Untuk makluman Yang Berhormat, penyediaan '*Council Homes*' diperkenalkan adalah bertujuan bagi membantu golongan sasaran seperti berikut:

- i. Setinggalan (sekiranya terdapat penempatan setinggalan baru);
- ii. Ibu tunggal yang mempunyai tanggungan;
- iii. Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU);
- iv. Pemohon yang mempunyai tanggungan ramai;
- v. Pesara Kerajaan seperti tentera, polis dan kakitangan awam yang menerima pencen;
- vi. Mangsa banjir atau kebakaran; dan
- vii. Pekerja

Berdasarkan rekod LPHS sehingga tahun 2005, sebanyak lapan (8) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah menyediakan '*Council Home*' di kawasan masing-masing seperti berikut:

Bil.	COUNCIL HOMES / PPR	Bil. Unit	PBT
1.	<i>Council Homes</i> Taman Samudera, Selayang	71	MPS
2.	<i>Council Homes</i> Apartment Seri Cempaka, Bangi	200	MPKj
3.	<i>Council Homes</i> Bandar Kinrara, Puchong	238	MBSJ
4.	<i>Council Homes</i> Pangsapuri Seri Kayang	50	
5.	<i>Council Homes</i> Jalan Jelai, Klang	32	MBDK
6.	<i>Council Homes</i> Bukit Tinggi 1, Klang	98	
7.	<i>Council Homes</i> Desa Lembah Permai, Ampang	30	MPAJ
JUMLAH KESELURUHAN		719	

Pada masa ini, '*Council Homes*' di Selangor yang diuruskan oleh Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) melibatkan sebanyak 200 unit yang terdiri daripada 2 blok iaitu Blok A dan Blok B di Pangsapuri Seri Cempaka, Seksyen 16, Bandar Baru Bangi.

b) Berapakah kadar sewa bagi unit-unit rumah ‘Council Homes’ di Bangi?

Kadar sewa bagi unit rumah ‘Council Homes’ di Bangi melalui pengurusan PHSSB adalah bermula RM250.00 sebulan hingga RM600.00 sebulan. Perbezaan kadar sewa adalah berdasarkan kepada aras tingkat unit rumah, status perkahwinan dan pendapatan isi rumah tersebut.

c) Apakah kerajaan tidak bersedia membina rumah kebajikan seperti itu di setiap daerah?

Buat masa ini, Kerajaan Negeri tiada dalam perancangan untuk melaksanakan pembangunan ‘Council Homes’ baharu di Selangor. Namun demikian, selain penyediaan ‘Council Homes’ di Bangi, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) turut menyediakan rumah kebajikan kepada rakyat Selangor melalui penyediaan Program Perumahan Rakyat (PPR) sebanyak 8,665 unit (10 projek). Bagi kategori PPR yang telah siap dan dalam pembinaan di Negeri Selangor adalah sebanyak 8,220 unit (8 projek) manakala dalam perancangan sebanyak 445 unit (2 projek). Perincian projek PPR di Selangor adalah seperti berikut:

(a) Telah Siap dan Diduduki

Bil.	Projek	Status Pemilikan (Sewa/Milik)	Pengurusan	Jumlah Unit
1.	PPR Kg. Baru Hicom, Shah Alam (Tanah Kerajaan Negeri)	Sewa	PHSSB	980
2.	PPR Seri Kiambang, Serendah (Tanah Persekutuan)	Sewa	PHSSB	300
3.	PPR Kota Damansara (Tanah Kerajaan Negeri)	Sewa	PHSSB	1,152
4.	PPR Lembah Subang 1 (Taman Putra Damai) (Tanah Persekutuan)	Sewa	KPKT	3,004
5.	PPR Lembah Subang 2 (Tanah Persekutuan)	Milik	KPKT	1,580
6.	PPR Kg Hassan, Hulu Bernam (Tanah Persekutuan)	Milik	KPKT	300
7.	PPR Sungai Yu, Tanjung Karang (Tanah Persekutuan)	Milik	KPKT	500
JUMLAH				7,816

(b) Dalam Pembinaan

Bil.	Projek	Status Pemilikan (Sewa/Milik)	Pengurusan	Jumlah Unit
1.	PPR Ampar Tenang, Dengkil (Tanah Kerajaan Negeri)	Milik	KPKT	404
JUMLAH				404

(c) Dalam Perancangan

Bil.	Projek	Status Pemilikan (Sewa/Milik)	Pengurusan	Jumlah Unit
1.	PPR Kg Dato' Ahmad Razali, Dengkil (Tanah milikan LPHS)	Sewa	LPHS	200
2.	PPR Harmoni Madani Bestari Jaya, Kuala Selangor (Serahan tanah dan pemberimilikan tanah kepada LPHS)	Milik	KPKT & LPHS	245
JUMLAH				445

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri pada masa ini sedang menumpukan usaha dalam memperluaskan dan memperbanyakkan penyediaan penyewaan kediaman di bawah Skim Smart Sewa sehingga 3,000 unit menjelang akhir tahun 2025.